

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIE ANAK MONGIN
[PUNCAK BORNEO]**

NO. SOALAN : 486

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan sama ada pemilihan ketua kampung atau pemilihan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) akan diadakan bagi seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) tidak bercadang untuk mengadakan pemilihan MPKK kerana kuasa pemilihan atau pelantikan Anggota MPKK termasuk Pengerusi, Setiausaha dan Ahli Jawatankuasa adalah sepenuhnya di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri masing-masing.

Pelantikan Anggota MPKK telah pun dilaksanakan di seluruh negara sama ada secara penuh atau berfasa mengikut kaedah yang ditentukan oleh Kerajaan Negeri masing-masing.